

DI HUJUNGNYA ADA CINTA

Bulan di langit
jangan petik, tak bertangkai
matahari nan terbit
jangan lirik, airmata berjurai
bintang berbintit
jangan asyik, tak tercapai.

bulan boleh jatuh ke riba
matahari boleh junjung di jemala
bintang boleh semat di dada
kalau kita tidak berlidah
telinga dan mata

selagi hati bermaqam
di hujungnya ada cinta

SEEKOR LABAH-LABAH DAN SEORANG PENYAIR
DI PERPUSTAKAAN BUKIT MERAH

Seekor labah-labah berbelang
menyulam sarang
tekun dan riang
di sebatang tiang
pada 6.32 petang
di luar perpustakaan Bukit Merah
yang sedang hujan

Sewaktu dengannya
seorang penyair mengadap komputer
selama separuh usia
mencari ilham jika dapat
mata mindanya letih mengais
jawapan paling dekat
hakikat dan makrifat
masyarakatnya sendat
teman sepersatuannya makin melarat

Labah-labah itu
terus menyulam
tanpa bimbang petang berganti malam
tanpa peduli lampu perpustakaan mahu dipadam

Penyair itu
seorang bapa
sekilas tadi hatinya membara
karyanya terbelah tiga
bangun dia berlari
dalam gerimis yang belum berhenti
meninggalkan buah hati
di perpustakaan Bukit Merah sendiri
menilai diri

apa lagi yang si labah-labah mahu
selain sebuah sarang
yang disulam bersama sayang
apa lagi yang si penyair perlu
selain sebuah karya
yang ditulis bersama cinta

RAHASIA BUANA

Ati-ati merah kembangnya biru putih
pelega pedih dilumat bersama si kapur sirih
buas-buas hidup liar di perdu belukar
tersirat khasiat dari pucuk rangup hingga ke akar

Kuramas daun beluntas dengan minyak jarak
penyambung temali tulang retak
pandan wangi penawar batu karang
cengkih, kenanga, bunga kerang
cekur, celaka bidah rupanya serupa
cermai, cili burung, delima berjasa

Dukung anak, duri tujuh bilah
duri bintang tujuh doa sesepuh
gambir berkahwin sireh
berdaun bujur telur
gandarusa hitam hijau putih
berlorek daun tunggal melirih

Hempedu bumi pepesan daun
pelega bisa ular menjalar
kecubung beranting banyak
buah berduri mabuk sekali

ketambar jawa tumbuh liar semusim hanya
mata pelanduk dicelah dedaun tua
di penghujung ranting harum kelopaknya

Mempelas hidup memanjat
melingkar tetawan hidup berpaut
mengapa namanya dituba
berjambak bunga merah muda
racun penghidar semut serangga
ubi jaga, susun kelapa, sambung nyawa

dari bumi melata menguak buana
dari gerbang pintu kun faqaqunnya
rahasiaMu rahasiaMu jua

YANG AKU MAHU

Aku bukan pencinta alam
walau ranjangku di pasir melandai
setiap hari memandangi matahari terbit dan terbenam

Aku bukan juga pencinta kedamaian
aku tidak peduli kancah perang berulang
beritanya ku tumpang dengar dari radio jiran

diriku sendiri pelarian dari masalah dan tuntutan
tidak nampak indahnya bulan dipagar bintang
tidak peduli ombak bergulung mengejar pantai

aku cuma mahu sedikit ruang
buat meletak kepalaku di lengan
melunjur kaki lenguhku sebentar
seketika dapat berdiam
meletak dahiku dan bertanya dalam segan
tentang masa silam
pada tuhan

rumahku adalah perjalanan dari pagi mencari malam
rumah ku adalah batas antara panas dan hujan
rumahku adalah jarak kehidupan dengan kematian

rumahku
di mana?

PEMENTASAN HARI

Jumaat yang wangi pada dhuha itu
apakah belang petanda
seorang sasterawan gugur daun hayatnya
dari medan perang budaya
digenggam kroni sendiri

Khamis jadi sunyi menghiris
sebelum Jumaat yang wangi tadi
menjadi lubuk maki
keluar dari lidah penyair tersohor
dalam bait puisinya yang ditulis kerana ingin masyhor

Rabu sendu jadi keliru
khamis sunyi Jumaat wangi
tintanya bertulis sumpah setia
tak bermakna lagi lirik suara
dondang asmaradana sudah petah berdusta

Selasa terseksa bila Rabu sendu
pemimpin hari muka mencari rahsia
sebab kerana murka
lidahnya sudah luka berdarah
seloka maruah sudah tumpah

Isnin yang biru keliru
berkampung cendiakiawan menyanyi
lagu lama lagu baru

Minggu hiruk-pikuk
padah kata si anak bangsa yang mabuk
di kertas jingga aksaranya hilang tanda

Akhirnya Sabtu sudah hilang nafsu
warna hitam putih bercelaru
berbaur dalam lumpur bumi kau dan aku

Apakah Jumaat masih wangi

bila telah berbuah benci
dipementasan hari?

BUNGA LARANGAN

seputih kelopak takdir
itulah engkau yang bersuara di tabir

sewangi madu kesturi
akukah itu yang duka mewarna janji?

seperti satria di mentari
seperti srikandi di pelangi

itulah engkau yang menguji
inilah aku yang meminjam ilusi

meneduhkan gelisah nyala
ilham atukah mimpi kita?

Berdaun baru
berputik biru

sayang seribu kali sayang
bunga larangan dipetik orang

RIBUT

Kerincing

Tergantung

Berlaga

Pecah

Petir

Marah

Memamah

Punah

Hujan

Mencurah

Redha

Ke bawah

Aku

Berkarya

Tidak lagi

Amanah

Ribut kepala

Ribut mata

Ribut mulut

Ribut jantung

Ribut dijulang, ribut dibuang

WARKAH BUAT SEORANG ANAK

Salam sejahtera untukmu nak,
Dengan hormatnya.

Aku ibumu
tidak dapat tidur nyenyak
menanti kepulanganmu
yang katamu mahu ke sekolah
menuntut ilmu yang diamanah
tapi hingga pagi
kau belum kembali.

Sepekan kemudian,
ku dengar dari teman-teman yang kau sayangi
kau melarikan diri
mencari kebebasan yang tidak ku beri.

Nak,
tahukah kau mengapa?
Sebenarnya anakku, kau belum dewasa.

Andai suara warkah ini
terdengar oleh mata hatimu
berhentilah seketika dari melarikan diri
ulanglah semula membaca warkah ibu ini
kebebasan yang kau cari
tidak ada anak ku!

Warkah buat seorang anak
dari seorang ibu
tentu ceritanya semua orang sudah tahu
mukadimahnya mungkin sama
wasalamnya mungkin lain
mukadimahnya mungkin lain
wasalamnya mungkin sama.

Warkah buat seorang anak
dari seorang ibu
di akhiri begini,
Anak ku,
satu ketika kau juga akan menjadi seorang ibu
dan katakana pada anak mu
syurga di bawah tapak kaki ibu
ini bukan kata dari ibu mu
ini kata dari tuhan mu. Sekian.